KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22.03.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM			

PERKASAKAN SUARA MALAYSIA

Kelantan pelawa pakar bantu urus ekopelancongan



Ahmad (kiri) melihat harimau belang jantan diawet yang dipamerkan sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan tahun 2022 di Taman Eko Rimba Bukit Bakar di Machang pada Isnin.

MACHANG - Kerajaan Kelantan mengalu-alukan kepakaran daripada pihak Kementerian Pelancongan , Seni dan Budaya bagi membantu menguruskan ekopelancongan dan biodiversiti hutan lebih lestari di negeri tersebut.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, bantuan diperlukan termasuk dari segi khidmat nasihat dan teknikal terhadap perlaksanaan projek-projek pembangunan untuk pelancongan hutan ke arah pemeliharaan dan kestabilan alam sekitar.

"Kepakaran itu penting sejajar dengan matlamat kerajaan negeri meningkatkan hasil serta perkhidmatan hutan menerusi aktiviti perhutanan.

"Pelan Induk Pembangunan bagi Hutan Simpan Ulu Sat turut dibukukan bagi memberi panduan kepada Jabatan Perhutanan merancang pembangunan produk ekopelancongan merangkumi Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Taman Eko Rimba Jeram Linang dan Taman Eko Rimba Lata Tujuh.

"Kekuatan dan keindahan semula jadi hutan di kawasan ini berpotensi dijadikan sebagai tarikan pelancongan baharu memandangkan lokasinya bersempadanan Terengganu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan tahun 2022 di Taman Eko Rimba Bukit Bakar di sini pada Isnin.

Kata Ahmad, pengusaha yang berminat memajukan sektor pelancongan boleh memanfaatkan kesempatan dengan membangunkan hutan simpan melalui kebenaran Jabatan Perhutanan negeri.

"Menjadi hasrat kerajaan mewujudkan lebih banyak destinasi riadah yang mengetengahkan ekopelancongan sebagai salah satu penyumbang kepada hasil kerajaan negeri pada masa hadapan," katanya.

Dalam perkembangan sama, Ahmad berkata, sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Kelantan, pokok cengal telah dipilih sebagai pokok rasmi.